

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31 / 08 / 2007

## 70,000 veteran perang layak terima Pingat Jasa Malaysia

UM - 31/8/2007

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Kira-kira 70,000 veteran perang dari United Kingdom (UK) dan negara-negara Komanwel yang pernah berkhidmat di negara ini antara tahun 1957 hingga 1966 layak menerima Pingat Jasa Malaysia (PJM), kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sejak tahun lalu seramai 8,000 veteran perang telah dianugerahkan pingat tersebut oleh kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, jumlah mereka sebenarnya lebih tinggi kerana kerajaan tidak menyimpan rekod perkhidmatan mereka yang pernah berkhidmat di negara ini sepanjang tempoh itu.

Jumlahnya dianggarkan lebih tinggi jika disenaraikan tentera Fiji dan Gurkha tapi kita tidak simpan rekod mereka.

Ia bergantung kepada kerajaan dan angkatan tentera negara masing-masing untuk menyerahkan nama kepada kita bagi melayakkan mereka menerima PJM," katanya.


Najib berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah PJM kepada 45 veteran perang di sini hari ini.

Mereka merupakan sebahagian daripada 56 veteran perang dari UK, Australia dan New Zealand yang menerima PJM sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50.

Kesemua mereka akan menyertai kumpulan tentera veteran dari ketiga-tiga negara itu seramai 210 orang pada perbarisan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka esok.

Ini merupakan pertama kali kerajaan mengundang mereka untuk menyertai perbarisan tersebut.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim; Ketua Setiausaha Ke-



**NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan veteran perang selepas majlis penganugerahan Pingat Jasa Malaysia kepada veteran Australia, New Zealand dan United Kingdom sempena penyertaan mereka dalam perbarisan menyambut kemerdekaan negara kita yang ke-50 di Kuala Lumpur, semalam.**

menterian Pertahanan, Datuk Abu Bakar Abdullah; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Penaung Persatuan Veteran Malaya Borneo Kebangsaan, Sir Garry Johnson.

PJM diberikan kepada warganegara dan tentera British serta negara Komanwel yang pernah berkhidmat dalam pasukan polis dan

jabatan-jabatan kerajaan di negara ini antara 31 Ogos 1957 hingga 12 Ogos 1966.

Ia dianugerahkan sebagai manifestasi penghargaan kerajaan terhadap jasa mereka menentang pengganas komunis semasa era darurat dan konfrontasi dengan Indonesia.

Mengulas mengenai dasar kerajaan British yang melarang penerima PJM mema-

kai anugerah tersebut pada majlis-majlis rasmi di negara itu, Najib memberitahu, Malaysia tiada hak untuk campur tangan.

"Itu peraturan negara mereka, kita tidak boleh buat apa-apa.

"Bukan PJM saja, anugerah dari negara-negara lain pun dilarang dipakai pada majlis-majlis rasmi mereka," jelasnya.